

Bacalah Riwayat Hidup:

Muhammad Rasulullah

ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam

Diterjemah dan disusun oleh:

Abdullah Basmeh



“Saya kata George Bernard Shaw – telah menyelidiki riwayat hidup Nabi Muhammad dan sifat-sifatnya yang bukan sahaja menakjubkan tetapi wajib dipanggil akan dia penyelamat manusia. Saya yakin sekiranya dunia sekarang dipandu oleh seorang pemimpin yang bersifat seperti beliau nescaya akan berkejayaan menyelesaikan segala perbalahan dengan cara yang akan membawa keamanan dan kebahagiaan yang sangat-sangat dihajati oleh alam kita hari ini.”

“Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad – kata Thomas Carlyle – ada satu kelebihan yang besar, iaitu dasar persamaan di antara manusia.

Islam juga telah menjadikan “zakat” suatu rukun daripada rukun-rukunnya yang lima, untuk dibahagikan kepada fakir miskin dan orang-orang yang malang hidupnya. “ Cara ini – kata Thomas Carlyle lagi – sesungguhnya terlalulah eloknya, dan tidak lain daripada suara kemanusiaan, suara rahmat, suara persaudaraan dan persamaan yang terpancar daripada hati anak Padang Sahara: Nabi Muhammad.”

“Agama Islam yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad – kata pula H.G. Wells – adalah mengandungi roh perasaan belas kasihan, murah hati dan persaudaraan. Islam: Suatu agama yang mudah difaham, digemari dan penuh dengan pendidikan akhlak yang terpuji.”

Ini hanya pendapat orang-orang Barat – yang bukan Islam – terhadap batang tubuh Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* dan pengajarannya serta hakikat agama Islam yang dibawanya. Bagaimana pula pendapat orang-orang Timur yang kebilangannya, bagaimana pendapat sahabat-sahabat Baginda sendiri bahkan bagaimana penjelasan kitab suci al-Qur’ān al-Karīm? Bacalah kesemuanya itu di dalam buku ini.

Empat penggal tamat – Sepenggal \$1.20 belanja mengirimmnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya.

Qalam, Singapura.